

04 JUN 1996  
Mahathir-Barat  
PM MINTA BARAT JANGAN SIBUK

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengkritik Barat kerana ghairah dan tidak putus-putus hendak memberitahu Malaysia bagaimana cara menguruskan negara ini.

"Siapa mereka untuk menentukan bagaimana rakyat kita perlu hidup? Ini negara kita, jadi kitalah yang akan memutuskannya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Pengguna 1996 di Pusat Islam di sini.

Dr Mahathir berkata: "Saya tidak faham mentaliti ini. Kita perlu memberitahu mereka supaya berhenti daripada memberitahu kita apa yang perlu dilakukan."

Beliau mengulas penilaian sebuah badan pemerhati Eropah mengenai rasuah global.

Beliau menyifatkan rakyat Malaysia yang percaya dengan kumpulan-kumpulan itu sebagai mereka yang masih mempunyai mentaliti penjajah.

Dr Mahathir juga menolak indeks rasuah yang dikeluarkan oleh sebuah kumpulan yang berpejabat di Jerman, Transparency International, yang meletakkan Malaysia sebagai negara ke-26 paling korup daripada 50 negara yang diselidiki.

Beliau berkata itulah sebabnya kenapa beliau meminta sebuah pertubuhan, Europe Watch, ditubuhkan di Malaysia untuk mengawasi diskriminasi kaum dan rasuah di Eropah yang sangat tinggi di sana.

Dr Mahathir berkata masalahnya dengan kebanyakan rakyat Malaysia ialah mereka berkelakuan seperti masih di bawah pemerintahan penjajah. "Mereka masih berkata "ya" walaupun selepas ditampar."

"Saya tidak faham mentaliti ini. Kita perlu memberitahu mereka (orang Barat) supaya berhenti daripada mengatakan bahawa kita sahaja yang teruk sedangkan mereka adalah lebih teruk daripada kita," katanya.

Beliau berkata rekod pencabulan hak asasi manusia paling buruk dalam satu abad ditemui di Eropah pada hari ini, tetapi "akhbar-akhbar kita tidak membuat ulasan kerana mereka masih mempunyai mentaliti penjajah, dan berpendapat bahawa apa yang dilakukan orang kulit putih adalah betul".

Beliau berkata Barat selalu campur tangan dalam hal ehwal negara ini seperti isu Bakun dengan berkata kaum Penan lebih suka cara hidup mereka yang lama.

Provokasi seperti ini akan bererti kaum Penan tidak mahu kemajuan dan mahu tinggal di rumah panjang mereka tanpa sebarang kemudahan seperti bekalan elektrik, air dan kemudahan lain, katanya.

-- BERNAMA

ZAB AKD